



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI KESIHATAN AWAM (B.2 EB.3)
JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI KESIHATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Farmasi / Sains Kesihatan Awam atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Pegawai ini akan ditempatkan bertugas di salah satu bahagian di bawah Jabatan Perkhidmatan Farmasi seperti yang disenaraikan dibawah:
 - i. Bahagian Komplians Dan Perlesenan;
 - ii. Bahagian Farmakovigilans;
 - iii. Bahagian Regulatori Produk; dan
 - iv. Bahagian Pembelian Farmasi.

Penempatan ini tertakluk kepada keperluan bahagian-bahagian Perkhidmatan Farmasi atau pengalaman tambahan yang ada pada calon-calon;

2. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian / Unit atau Pegawai yang lebih kanan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab;
3. Membantu dalam membuat persediaan perbincangan mesyuarat-mesyuarat teknikal di bawah Jabatan Perkhidmatan Farmasi yang berkaitan dengan produk ubat-ubatan, produk kosmetik dan ubat tradisional dan produk suplemen kesihatan;
4. Membantu dalam melaksanakan penguatkuasaan Akta-Akta yang berkaitan dengan regulatori produk ubat-ubatan, produk kosmetik dan ubat tradisional dan produk suplemen kesihatan;
5. Memberikan ceramah atau taklimat kepada orang ramai dalam aspek-aspek pendidikan keselamatan pengambilan / pemakaian produk ubat-ubatan, produk kosmetik dan ubat tradisional dan produk suplemen kesihatan;



6. Membantu dalam merancang dan meningkatkan mutu/prestasi perkhidmatan di bahagian/unit masing-masing;
7. Bertanggungjawab dalam memastikan perkhidmatan di bahagian/unit bertugas berjalan dengan lancar dan teratur;
8. Bersedia untuk berbincang dengan Pegawai dan Kakitangan di semua peringkat mengenai masalah-masalah kerja yang perlu dilaksanakan atau diselesaikan; dan
9. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa;